

RENCANA

# Perkembangan lewat bagi anak yang banyak guna alat digital?



Kajian NUH, KKH kesan 5,000 kes di kalangan murid tadika yang lambat bercakap, lemah keupayaan sosial dan tempoh perhatian singkat

PANDANGAN



SITI AISYAH NORDIN

SEMASA Steve Jobs ditanya pada 2010 sama ada anak-anak beliau suka bermain dengan model baru iPad yang baru, beliau menjawab: "Mereka tak menggunakannya. Kami hadkan penggunaan teknologi bagi kanak-kanak di rumah."

Sebagai *digital natives* atau generasi yang membesar dengan teknologi, memang tidak munasabah jika ibu bapa tidak dedahkan anak-anak zaman sekarang kepada teknologi.

Namun, ibu bapa perlu berwaspada dalam membenarkan anak-anak mereka menggunakan alat digital atau memperuntukkan waktu-waktu menonton tertentu, terutama sekali bagi kanak-kanak kecil.

Memang tidak dinafikan, ia bukan sesuatu yang mudah, terutama sekali dalam keadaan pandemik di mana ibu bapa sendiri perlu menyesuaikan diri dengan bermacam-macam perubahan – mana nak kerja dari rumah, mana nak ajar anak-anak yang terpaksa bersekolah dari rumah, kecoh!

Mungkin kurang praktikal kalau ibu bapa diminta ketepikan teknologi atau alat-alat digital sepenuhnya untuk mencari sumber hiburan lain harian bagi anak-anak, kerana ada kalanya *screen time* satu jam yang diberikan itu merupakan tempoh berharga untuk mereka *reconnect* dan tenang fikiran buat seketika.

Pada masa yang sama, ibu bapa juga perlu sedar akan kesan *screen time* yang tidak dikawal atau digunakan sebagai *pacifier* atau penenang bagi anak-anak, terutama sekali semasa usia mereka kecil.

Kebelakangan ini, pakar kesihatan telah menimbulkan keprihatinan tentang kesan kebiasaan semasa pandemik terhadap perkembangan minda kanak-kanak.

Perangkaan terkini menunjukkan bahawa jumlah kes yang melibatkan masalah perkembangan lewat yang disahkan di sini meningkat sebanyak 20 peratus dalam tempoh lima tahun sebelum ini.

Baru-baru ini Kementerian Kesihatan (MOH) mendedahkan bahawa Hospital Universiti Nasional (NUH) dan Hospital Wanita dan Kanak-Kanak KK (KKH) mengesan sebanyak 5,000 kes perkembangan lewat dikesan di kalangan murid tadika di sini.

NUH juga telah menyaksikan lebih banyak kes melibatkan masalah kesihatan yang berkait dengan *screen time* sejak pandemik ini.

Menurut perunding kanan Unit Perkembangan Kanak-Kanak di Jabatan Pediatrik Hospital Khoo Teck Puat-Institut Perubatan Kanak-Kanak Universiti Nasional, Dr Jennifer King, masalah-masalah yang dihadapi itu termasuk lewat mula bercakap, keupayaan sosial yang lemah serta tempoh perhatian singkat.

Katanya: "Masa menonton skrin mengganggu pembangunan kanak-kanak melalui dua cara: pertama, dengan menggantikan aktiviti yang lebih sesuai dengan tahap perkembangan dan kedua dengan membuat otak yang amat muda itu melihat gambar yang bergerak dengan pantas, yang disukai tetapi tidak bagus untuk mereka."

Dr King juga mengingatkan ibu bapa bahawa kanak-kanak belajar bertutur hanya melalui 'perbualan' mereka dengan orang lain, bukan dengan menonton skrin.

Panduan Akademi Pediatrik Amerika menyarankan bahawa kanak-kanak di bawah 18 bulan langsung tidak menonton skrin kecuali untuk panggilan video.

Dalam pada itu, produk media pula dihasilkan untuk menarik perhatian pengguna dan mempunyai *hooking effect* yang mampu memastikan anak-anak anda terpaat untuk tempoh yang agak lama.

Ini boleh membataskan keinginan mereka menggunakan deria mereka untuk meneroka persekitaran, mencuba perkara baru mahupun membentuk sikap ingin tahu.

Sekurang-kurangnya, ibu bapa boleh cuba membuka ruang untuk kanak-kanak yang lebih kecil untuk meneroka ruang di luar skrin yang tersedia di hadapan mereka.



**BERI RUANG KANAK-KANAK MENEROKA:** Kanak-kanak terutama sekali yang berusia dua tahun ke bawah, memerlukan sebanyak mungkin ruang untuk meneroka persekitaran menggunakan kesemua deria. Ibu bapa boleh membantu mereka melakukan demikian dengan meniadakan atau sekurang-kurangnya mengurangkan masa menonton skrin. – Foto BH oleh SITI AISYAH NORDIN

“Masa menonton skrin mengganggu pembangunan kanak-kanak melalui dua cara: pertama, dengan menggantikan aktiviti yang lebih sesuai dengan tahap perkembangan dan kedua, dengan membuat otak yang amat muda itu melihat gambar yang bergerak dengan pantas, yang disukai tetapi tidak bagus untuk mereka.”

– Perunding Kanan Unit Perkembangan Kanak-Kanak di Jabatan Pediatrik Hospital Khoo Teck Puat-Institut Perubatan Kanak-Kanak Universiti Nasional, Dr Jennifer King.